

Singapura tolak tambak tanah punca banjir

um
02/02

SINGAPURA 1 Feb. - Singapura menafikan dakwaan bahawa tebus guna tanah di Pulau Tekong di republik ini sebagai penyumbang kepada banjir teruk di Johor baru-baru ini, dengan Kementerian Pembangunan Negara (MND) menyatakan bahawa tidak ada asas saintifik mengenai punca masalah itu.

"Komen itu tidak berasas," kata kementerian tersebut.

Ia menyatakan: "Ini mengesahkan melalui hasil kajian teknikal yang dijalankan secara berasingan oleh kedua-dua kerajaan Malaysia dan kerajaan Singapura sebagai sebahagian daripada prosiding penyelesaian pertikaian mengenai kerja tebus guna tanah Singapura di Pulau Tekong dan Perluasan Pandangan Tuas Konvensyen Undang-undang Laut Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNCLOS)."

Selasa lepas, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, tebus guna tanah oleh Singapura di Pulau Tekong menyumbang kepada banjir besar di Johor.

Beliau berkata, tebus guna tanah itu telah menyebabkan muara Sungai Johor telah sempit dan melambatkan pengaliran air hujan yang berlebihan ke Selat Johor.

Kementerian itu menyatakan bahawa kajian hidraulik pantai yang dijalankan Jabatan Pengairan dan Saliran pada September 2002 mengenai impak kerja tebus guna Singapura menunjukkan bahawa tidak ada perubahan jelas terhadap paras air dalam Selat Johor.

"Dengan itu, kajian tersebut mendapati bahawa tidak ada penambahan banjir disebabkan kerja tebus guna Singapura," katanya dalam kenyataan.

Ia juga menyatakan satu laporan penilaian alam sekitar berasingan yang disediakan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang dijalankan kerajaan Malaysia yang melaporkan penemuan yang sama.

"Kajian teknikal berasingan yang dijalankan kerajaan Singapura pada 2003 juga memperoleh hasil kajian yang sama.

"Pada hakikatnya, berdasarkan kepada hasil kajian ini, kumpulan pakar yang dilantik oleh kedua-dua kerajaan bagi mengkaji kerja tebus guna telah mencadangkan bahawa ia tidak perlu untuk impak banjir untuk dinilai selanjutnya oleh perunding teknikal tersebut bertujuan menjalankan kajian bersama. Ini diterima oleh kedua-dua kerajaan," menurutnya.